



## **KENYATAAN MEDIA**

### **TIMBALAN PERDANA MENTERI MENTERI PERTAHANAN**

**10 JULAI 2021**

### **MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

#### **SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan**

Seperti yang diumumkan sebelum ini, Kerajaan telah mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Semalam Pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 85,123 pemeriksaan dan snap check COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota seramai 19,891 orang.

Ia termasuk pemeriksaan ke atas 2,226 buah kilang, 14,916 premis perniagaan, 1,005 tapak pembinaan dan 321 buah asrama penempatan pekerja.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 52 premis meliputi kilang, premis perniagaan dan tapak pembinaan diarahkan tutup kerana gagal mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan.

## **Pelaksanaan PKPD Baru**

<b>BIL</b>	<b>Lokaliti PKPD</b>	<b>Tarikh Mula PKPD</b>	<b>Tarikh Tamat PKPD</b>	<b>Jumlah Saringan</b>	<b>Jumlah Positif COVID-19</b>	<b>Justifikasi</b>
1	QL Farm, Membalua, Tawau, Sabah	12 Julai 2021	25 Julai 2021	49	13	Peningkatan kes, kadar kebolehjangkitan tinggi
2.	Kampung Pikat, Bongawan, Papar, Sabah	12 Julai 2021	25 Julai 2021	89	15	Kes meningkat dalam tempoh seminggu
3.	Tiga (3) lokaliti di Kota Kinabalu <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Suang Parai</li> </ul>	12 Julai 2021	25 Julai 2021		22	Berlaku peningkatan kes dalam tempoh singkat di ketiga-tiga lokaliti ini.
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Taman Kingfisher Sulaman</li> </ul>	12 Julai 2021	25 Julai 2021		11	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bandaran Berjaya</li> </ul>	12 Julai 2021	25 Julai 2021		17	

**SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)**

## Pelanjutan PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Jumlah Saringan	Jumlah Positif COVID-19	Cadangan
1.	Kampung Jawi-Jawi, Kota Belud, Sabah	28 Jun 2021	11 Julai 2021	146	23	Dilanjutkan bermula 12 Julai – 25 Julai 2021

## Penamatan PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula/Lanjut PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Jumlah Saringan	Jumlah Positif COVID-19	Cadangan
1.	Kawasan Sekitar Bandar Jerantut, Pahang	28 Jun 2021	11 Julai 2021	5,851	198	Ditamatkan pada 11 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.
2.	Kampung Tuunon, Penampang, Sabah	28 Jun 2021	11 Julai 2021	53	3	Ditamatkan pada 11 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.
3.	Dua Lokaliti di Kota Belud, Sabah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Tawadakan</li> <li>• Kampung Kota Bungan</li> </ul>	14 Jun 2021	11 Julai 2021	301	43	Ditamatkan pada 11 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.
4.	Kampung Perpaduan Ria 1, Kudat, Sabah	28 Jun 2021	11 Julai 2021	196	45	Ditamatkan pada 11 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.

5.	Lokality di WP Kuala Lumpur						Ditamatkan pada 11 Julai 2021 lebih awal daripada yang dijadualkan.
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Flat Seksyen 2 Wangsa Maju, Titiwangsa</li> </ul>	3 Julai 2021	16 Julai 2021	56	3		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Flat Seksyen 1 Wangsa Maju, Titiwangsa</li> </ul>	3 Julai 2021	16 Julai 2021	74	0		Ditamatkan pada 11 Julai 2021 lebih awal daripada yang dijadualkan.
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kampung Puah, Titiwangsa</li> </ul>	3 Julai 2021	16 Julai 2021	97	25		Ditamatkan pada 11 Julai 2021 lebih awal daripada yang dijadualkan.
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Flat Desa Pandan (Termasuk Baiduri &amp; Delima ), Titiwangsa</li> </ul>	3 Julai 2021	16 Julai 2021	50	3		Ditamatkan pada 11 Julai 2021 lebih awal daripada yang dijadualkan.
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kampung Batu Muda</li> </ul>	3 Julai 2021	16 Julai 2021	470	0		Ditamatkan pada 11 Julai 2021 lebih awal daripada yang dijadualkan.
<ul style="list-style-type: none"> <li>Taman Koperasi Polis (Fasa 1)</li> </ul> <p><b>Bagi Taman Koperasi Polis (Fasa 2) , PKPD &amp; saringan masih diteruskan</b></p>	3 Julai 2021	16 Julai 2021	331	11		Ditamatkan pada 11 Julai 2021 lebih awal daripada yang dijadualkan.	

## **Task Force Operasi Pematuhan**

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 85,123 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,349 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 19,891 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 417 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 408 individu dikompaun manakala sembilan (9) lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan/minum di premis (96)
- Tidak memakai pelitup muka (74)
- Tiada penjarakan fizikal (58)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (46)
- Membawa penumpang berlebihan (34)
- Premis gagal patuhi arahan (12)
- Majikan gagal memastikan kapasiti kehadiran pekerja/menjalani ujian saringan (6)
- Lain-lain (91)

## **Kawalan Sempadan Negara**

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap seorang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas dua (2) buah kenderaan darat dan dua (2) buah bot/kapal.

Dalam operasi itu, sebanyak dua buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui lima (5) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 950 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 896 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

## **Operasi Disinfeksi COVID-19**

Semalam, sebanyak 152 operasi disinfeksi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 66 zon merah, zon jingga (2) dan zon kuning (12).

Operasi disinfeksi ini melibatkan 967 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 260 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 171 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 31,406 operasi disinfeksi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

## **Kuarantin Wajib**

Semalam, seramai 766 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 245,706 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 79 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 9,481 individu telah dikuarantin dan 233,155 orang dibenarkan pulang manakala 3,070 lagi dibawa ke hospital.

## **Barang Keperluan Asas**

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 767 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (582), pemborong (154) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,776 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,763 premis mematuhi SOP manakala 13 lagi dikompaun.

**Amalkan “lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.**

**#StaySafeStayHome**

**#AmalkanKawalanKendiri**

**YAB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB**

**TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MENTERI PERTAHANAN**